

03 DEC 1997

Cuepacs-Tanggung

CUEPACS GESA KERAJAAN TANGGUHKAN PROJEK PENSWASTAAN

IPOH, 3 Dis (Bernama) -- Kongres kesatuan pekerja dalam perkhidmatan awam (Cuepacs) menggesa kerajaan menangguhkan penswastaan agensi-agensinya sebagai langkah berjimat ketika negara menghadapi masalah ekonomi sekarang.

Setiausaha Agungnya, Siva Subramaniam berkata penangguhan itu perlu sehingga ekonomi pulih bagi mengelakkan kemungkinan rakyat terpaksa menanggung bebanan inflasi berikutan masalah itu.

Sehubungan itu Cuepcas akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perdana Menteri pada Jumaat depan bagi membincangkan isu berkaitan pelaksanaan dasar penswastaan itu, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian pembekalan komputer oleh Kolej Utara kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sungai Pari di sini hari ini.

Siva juga berkata Cuepacs akan terus memberi sokongan penuh kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi kini.

Katanya, Cuepacs juga sedang bergabung tenaga dengan pelbagai persatuan termasuk persatuan pengguna di negara ini sebagai persediaan untuk bertindak terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan tanpa kebenaran.

Siva berkata, tuntutan kenaikan gaji oleh kakitangan kerajaan bukan cara terbaik bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga barang kerana tindakan berkenaan hanya mendorong meningkatnya inflasi.

Beliau juga berkata pengguna digalakkan makan di rumah atau membawa bekal ke pejabat bagi mengurangkan perbelanjaan makan di restoran. --  
BERNAMA

PBA NMO